

Miyolon Ensambyian kini didokumentasikan

UB 1-12-2019 17

KOTA KINABALU: Urus niaga pertukaran barang atau dalam bahasa tempatan, ‘Miyolon Ensambyian’ di Kampung Darau Manggatal kini didokumentasikan dalam sebuah buku setebal 56 muka surat.

Menurut Menteri Pelancongan, Kebudayaan dan Alam Sekitar, Datuk Christina Liew, konsep tukar barang adalah merujuk kepada konsep perniagaan jual beli tanpa menggunakan mata wang yang menjadi amalan masyarakat pada zaman dahulu.

“Konsep ini kemudiannya disebar luas oleh pedagang yang singgah berdagang ke pelbagai pelabuhan sehingga sistem ini digantikan dengan sistem mata wang.

“Difahamkan aktiviti pertukaran barang antara masyarakat Bajau-Sama dan Kadazan Dusun ini masih berlaku di Kampung Darau setiap kali perayaan Hari Raya Aidilfitri dan Aidiladha sehingga ke hari ini.

“Keunikan ini dilihat antara sebab mengapa warisan ‘Miyolon Ensambyian’ bertahan sehingga kini.

“Warisan ini adalah lambang kesepakatan yang unik yang menjadi salah satu intipati kepada keharmonian pelbagai etnik kaum di negeri Sabah.

“Ini merupakan satu keunikan yang wajar diberi sokongan oleh pelbagai pihak khususnya pihak kementerian dan pelbagai agensi kerajaan yang berkaitan dengan pelancongan.

“Difahamkan beberapa responden yang telah ditemui bual adalah dalam kalangan orang lama yang sangat berusia dan ada yang berumur lebih 100 tahun dan baru-baru ini ada yang telah meninggal dunia.

“Ini merupakan kehilangan yang cukup besar dan saya pasti lebih banyak lagi warisan tradisi lain boleh didokumentasikan jika kita bertindak mulai sekarang seperti mana yang dilakukan oleh Jabatan Muzium Negeri Sabah dengan kerjasama Univerisiti Malaysia Sabah (UMS).

“Justeru itu, saya memuji langkah proaktif Jabatan Muzium Negeri Sabah dalam

menyalurkan geran kepada pelbagai pihak berkepakan terutama sekali pihak UMS untuk mendokumentasikan warisan ini dalam bentuk penulisan,” katanya pada Majlis Pelancaran Buku Barter Trade: Tradisi Miyolon Ensambyian Aidilfitri Kampung Darau Manggatal di sini semalam.

Teks ucapannya disampaikan pembantu menteri, Assaffal P. Alian.

Seramai empat pensyarah UMS terlibat dalam proses kajian dan penulisan buku tersebut yang diketuai oleh Yuzainy Janin serta dibantu oleh Dr Jakaria Dasan, Sidah Idris dan Kamarul Mizal Marzuki.

Buku yang memaparkan kisah masyarakat Kadazan Dusun yang membawa hasil pertanian dari sekitar Manggatal, Inanam, Tamparuli dan Kota Kinabalu ke Kampung Darau ketika hari raya untuk ditukarkan dengan pelbagai juadah tradisi suku Bajau-Sama di kampung tersebut boleh diperolehi di Muzium Negeri Sabah pada harga RM50 senaskah. — PENERANGAN